

## LKIM setuju beli 8 tan ikan patin, elak lambakan di Pahang

Oleh [Fahmy A Rosli](#) - September 3, 2021 @ 6:36pm  
[fahmy.azril@bh.com.my](mailto:fahmy.azril@bh.com.my)



Khairul Anuar Ahmad Mahir, 32, (kiri) dari Kampung Ganding, Lipis, menunjukkan ikan patinnya yang diternak dalam sangkar di Sungai Jelai, terlebih matang kerana tiada pasaran

KUALA LUMPUR: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bersetuju mengambil kira-kira 8.1 tan ikan patin yang sukar dijual untuk disejuk bekukan menerusi 27 Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan Air Tawar (CCDC) di Pahang.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, berkata bakinya LKIM Pahang akan membeli ikan patin itu secara berperingkat untuk diagihkan di pasar kelolaan lembaga itu.

Selain itu, katanya, ikan patin itu juga akan dipasarkan menerusi kedai bergerak dan dijual secara dalam talian dalam usaha merancakkan penjualan hasil ternakan ikan air tawar terbabit.

"Berhubung isu ikan patin sangkar di Pahang, negeri itu adalah pengeluar terbesar negara yang mana jumlah keluaran adalah sebanyak 422 tan metrik setahun bersamaan RM7,174,901 pada 2020. Ini juga menunjukkan pengeluaran kasar adalah sebanyak 35.2 tan metrik sebulan.

"Perkara ini tidak dapat dilakukan pada masa ini akibat dari situasi perintah kawalan pergerakan (PKP), maka pemberong tidak dapat membeli dalam jumlah yang sama.

"Bagi usahawan di bawah LKIM Pahang, kita menyediakan 27 CCDC iaitu di Pekan (4), Kuantan (2), Bera (6), Temerloh (12), Bentong (1), dan Mara (2) yang dimulakan sejak 2015. Jumlah nilai bantuan sebanyak RM1,125,290. Jumlah keluaran kasar pada 2020 adalah 422 tan metrik di bawah seliaan LKIM oleh kerana kita mempunyai pusat pemprosesan dan pengedaran di setiap tempat.

"Bagi lambakan di Lipis, pegawai LKIM sudah membuat tinjauan di kawasan berkenaan, sebanyak 20 tan metrik yang masih belum terjual. Hasil perbincangan, CCDC bersetuju mengambil 8.1 tan untuk dipasarkan dan disejuk bekukan," katanya kepada BH semalam.

Mengulas lanjut, Syed Abu Hussin berkata, kapasiti 27 CCDC sebanyak 20 tan metrik dan masa sama turut boleh menampung 8.1 tan metrik.

Katanya, ia boleh dimanfaatkan pengusaha ikan ini jika proses jualan tidak berlaku dan boleh dilakukan proses sejuk beku.

"Pada masa PKP ini jualan masih berlaku tetapi lebihan akan disejuk bekukan dan dilakukan juga pakej menu makanan masakan tempoyak.

"Lambakan ini tidak berlaku tetapi proses jualan akan sedikit lambat tetapi ia diselamatkan oleh proses pembekuan dan penyimpanan di setiap CCDC," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas situasi membabitkan lebih 50,000 ikan patin yang diternak pengusaha di Sungai Jelai dekat Lipis, Pahang yang mungkin 'berkubur' sahaja dalam sungai berikutnya tidak dapat dijual berikutan sekatan rentas daerah dan negeri, mengakibatkan aktiviti pasaran ikannya terbantut.

Di Melaka pula berlaku lambakan udang harimau seberat 15,000 kilogram (kg) bernilai RM450,000 selepas permintaan makanan laut itu susut mendadak seperti didedahkan LKIM negeri.

Mengenai isu penternak udang harimau di Melaka, Syed Abu Hussin berkata, hasil ternakan sebanyak 16,000 tan metrik dimiliki Persatuan Nelayan Negeri akan dapat diselesaikan dalam tempoh satu bulan.

Katanya, ia menerusi usaha persatuan nelayan yang akan menjual hasil ternakan secara dalam talian bersama nelayan dan persatu negara melalui Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) serta persatuan lain di seluruh negara.

Melalui LKIM, katanya diwujudkan kedai bergerak yang akan mula beroperasi pada bulan ini ke seluruh kawasan bersama persatuan nelayan kawasan.

"Persatuan Nelayan Negeri Melaka, secara kebiasaan bagi setiap hasil keluaran akan diborong terus oleh kilang untuk dieksport ke Singapura.

"Malangnya dalam suasana PKP semua industri terjejas oleh kerana kilang diarah tutup, maka hasil tuaian tidak dapat dijual secara borong tetapi masih dapat diedarkan secara berperingkat. Proses penjualan ini akan mengambil masa yang lebih panjang," katanya.